



"KOMUNITI KITA TANGGUNGJAWAB KITA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kehadiran Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Sempena Bulan Antidadah Kebangsaan 2019, mimbar hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "KOMUNITI KITA TANGGUNGJAWAB KITA."</p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	6
<p>Penyalahgunaan dadah merupakan sesuatu yang amat merbahaya kepada masyarakat manusia, sama ada dari segi rohani mahupun jasmani. Amalan ini didapati semakin berleluasa dan amat membimbangkan dalam masyarakat seluruh dunia, termasuk negara kita Malaysia.</p> <p>Hadirin yang berbahagia,</p>	7
<p>Kerosakan akibat gejala dadah ini sangatlah besar. Ancamannya bukan sahaja kepada diri penagih, bahkan seluruh ahli keluarga, jiran tetangga, masyarakat dan negara. Ia buka sahaja menghilangkan kewarasan akal, melenyapkan keharmonian, menghancurkan kegembiraan, malah akan diwarnai dengan tangisan dan penyesalan yang berpanjangan.</p>	8

¹ Al-Tahrim : 6.



<p>Dadah menjadi punca utama berlakunya jenayah dan maksiat. Menjadi ancaman kepada kesejahteraan masyarakat dan pihak berkuasa. Menjana peningkatan jenayah mencuri, meragut, merompak, merogol, dan membunuh. Mangsanya bukan hanya orang yang tidak dikenali tetapi sesiapa sahaja termasuk ibubapa sendiri. Sudah hilang rasa takut dengan hukuman tali gantung, penjara seumur hidup, sebat dan rotan yang dikenakan kerana sikap tamak dan pengaruh wang, kepuasan nafsu dan sebagainya.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p>	9
<p>Islam menyatakan pendirian yang jelas berkenaan hukum penyalahgunaan dadah. Para ulama bersepakat terhadap pengharamannya, kerana kesamaan sifat dan 'illahnya dengan arak, sesuatu yang memberikan kesan memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal. Oleh itu hukum penyalahgunaan dadah adalah haram seperti hukum peminum arak yang dianggap ibu segala maksiat dan kejahatan.</p>	10
<p>Firman Allah SWT dalam surah Al Maidah ayat 90:</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾</p>	11
<p><i>"Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."</i></p>	12
<p>Ayat ini di perkukuhkan lagi dengan hadis riwayat daripada Ibnu Umar Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ</p> <p><i>"Setiap perkara yang memabukkan itu adalah arak, dan setiap arak itu hukumnya haram."</i></p> <p>(Riwayat Muslim).</p>	13



<p>Hadirin sekalian,</p> <p>Sesungguhnya, angkara penyalahgunaan dadah, telah meranapkan harapan ibubapa dan guru-guru, memusnahkan impian saudara mara dan menghancurkan masa depan anak-anak dan isteri, malahan kesan yang lebih dahsyat lagi ialah memusnahkan maruah agama, bangsa dan negara .</p>	14
<p>Pada prinsipnya, mereka yang terlibat dengan dadah merupakan suatu perbuatan jenayah dan berdosa besar kerana telah mencampakkan diri kelembah kehinaan. Sedarlah bahawa perbuatan itu sebenarnya akan menjauhkan diri daripada Allah SWT. Kadangkala dengan hanya satu perbuatan jenayah sahaja boleh menghancurkan nilai-nilai kehidupan seseorang dan keluarga tersayang, bahkan menyebabkan penyesalan sepanjang hayat .</p>	15
<p>Saudara-saudara yang mulia,</p> <p>Usaha-usaha membanteras dan memerangi dadah serta jenayah yang seumpamanya adalah suatu perbuatan mulia yang sangat dituntut oleh agama sebagai satu amal ibadat. Tanggungjawab ini bukan hanya terletak kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan sahaja, tetapi memerlukan sokongan yang menyeluruh oleh semua lapisan masyarakat.</p>	16
<p>Sebuah hadis dari Abu Said Al Khudri Radhiallahu Anhu beliau berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ</p>	17
<p><i>"Sesiapa antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman."</i></p> <p>(Riwayat Muslim).</p>	18
<p>Hadis ini menunjukkan bahawa usaha membasmi kemungkaran merupakan suatu tanggungjawab yang membawa keberkatan dan rahmat Allah SWT, ia adalah jihad dan perjuangan dalam menjaga agama Islam yang suci. Dadah bukan sahaja musuh negara, bahkan musuh kepada Islam dan umatnya. Justeru, marilah kita pupuk semangat kesukarelawan dan kekitaan dalam diri, serta sentiasa bersama-sama dalam menangani dan membanteras gejala ini terutama ibubapa.</p> <p>Muslimin yang mulia,</p>	19



<p>Mengakhiri khutbah ini, khatib menyeru kepada jemaah sekalian supaya sentiasa menginsafi diri semasa tubuh badan masih sihat dan masih bertenaga supaya sama-sama bekerjasama memerangi gejala penagihan dadah. Ambillah mengambil pengajaran dari saranan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib mematuhi perintah Allah SWT dan meyakini bahawa apa jua perbuatan yang melanggar perintah dan larangan Allah SWT akan menerima balasan azab di dunia hingga ke akhirat.2. Umat Islam wajib menyeru saudara-saudara muslim kepada kebaikan dan mencegah segala kemungkaran termasuk membasmi penyalahgunaan dadah.3. Umat Islam khususnya ibubapa, hendaklah meluangkan masa, memberi perhatian kepada anak-anak agar mereka tidak terjebak dengan perkara jenayah terutama penyalahgunaan dadah.	20
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَقِيَّةُ الصَّالِحَةُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَّخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾</p>	21
<p><i>"Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh Yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas Yang memberi harapan."</i> (Surah al-Kahfi : 46).</p>	22
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24



KHUTBAH KEDUA

1	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
4	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
5	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمْرِ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
6	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَّالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ،
7	سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تغكو أمير شاه ابنالسُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج
8	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	9
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	10
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	11
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلِيَذْكُرُوا اللَّهُ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14